

## **PROJEK MEMBANGUNKAN PRODUK : BUKU SUMBER AWANG BATIL**

**MEGAT MOHD NOOR B MEGAT TEH**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

05.09.2009

MEGAT MOHD NOOR B MEGAT TEH  
M20071000074



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan perasaan penuh khusyuk dan rendah diri, puji-pujian dan kesyukuran tidak terhingga dipersembahkan ke hadrat Allah yang telah mengurniakan taufik dan hidayah serta daya kesungguhan kepada saya dalam menyempurnakan penulisan laporan projek ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan khas ditujukan kepada penyelia projek ini iaitu Profesor Madya Zaharul Lailiddin Bin Saidon, pensyarah muzik di Jabatan Muzik, Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, selaku penyelia yang banyak mencurahkan ilmu, membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada saya sehingga dapat menyempurnakan kajian ini.

Sejuta penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan bantuan, sokongan, galakan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan penulisan dan projek ini.

Begitu juga dengan segala khidmat, jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh mana-mana pihak untuk menyiapkan penulisan dan projek ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, didoakan semoga akan diberkati, diberikan taufik dan ganjaran yang sewajarnya oleh Allah (s.w.t.). Mudah-mudahan tugas ini merupakan satu kesinambungan penyebaran ilmu demi memartabatkan institusi pendidikan di peringkat sekolah khususnya, seterusnya di peringkat negeri dan negara amnya.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga yang disayangi atas dorongan dan sokongan moral sehingga kajian ini dapat disempurnakan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## Abstrak

Tujuan projek yang dicadangkan adalah khusus untuk membangunkan sebuah produk yang merupakan sebuah buku sumber Awang Batil ang mengandungi aspek-aspek lengkap tentang sejarah, tokoh, muzik, persembahan dan penceritaan seni penglipur lara Awang Batil. Produk ini dirasakan perlu kerana tidak terdapat bahan yang lengkap tentang Awang Batil yang boleh digunakan sebagai bahan rujukan untuk mengajar Muzik Rakyat Malaysia dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Sekolah Menengah Tingkatan Empat. Kaedah temubual dan pemerhatian adalah dirasakan sebagai satu kaedah yang paling sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan betul dari responden yang merupakan seorang tokoh penglipur lara Awang Batil. Dapatan daripada projek ini mendapati bahawa produk yang merupakan buku sumber Awang Batil ini sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk pelajaran Pendidikan Muzik, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Hasil kajian ini juga menjadi panduan asas kepada guru-guru muzik untuk pengkaedahan pengajaran Muzik Rakyat Malaysia Tingkatan Empat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## Abstract

This proposed project is to develop a product which could be utilized as a resource book for 'Awang Batil' encompassing a complete aspects on its history, personalities, music, performances and finally Awang Batil's art of storytelling. This product is a necessity as there is no complete product as such (pertaining to 'Awang Batil' that can be of good use for the teaching of 'Muzik Rakyat Malaysia' in Secondary School Music Education Syllabus For Form 4. Interview and observation methodologies were used as both are the most suitable ways to capture complete and accurate information from a calibre and respected personality for 'Awang Batil'. Result of this project shows that this product which is meant to be as 'Awang Batil' resource book is suitable as teaching aid for Muzik Education in Secondary School Integrated Curriculum. It is hoped that it can serve as a basic guide to music educators for the methodology of 'Muzik Rakyat Malaysia' for Form Four Students.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

PENGAKUAN	Muka Surat
	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
RUJUKAN	42

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Projek	2
1.3 Permasalahan Projek	3
1.4 Objektif Projek	4
1.5 Kepentingan Projek	4
1.6 Batasan Projek	5
1.7 Definisi Istilah	5
1.7.1 Awang	5
1.7.2 Batil	5
1.7.3 Awang Batil	5
1.8 Rumusan	6

### BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1 Pengenalan	7
2.2 Mengumpulkan Maklumat Berkaitan Awang Batil	8
2.2.1 Temubual	8
2.2.2 Pemerhatian	9
2.2.3 Rakaman Video Dan Audio	10
2.3 Mengklasifikasikan Maklumat Mengikut Tema dan Kategori	10





2.4	Menetapkan Bab Berdasarkan Tema atau Kategori	11
2.5	Menulis Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Bab Yang Telah Ditetapkan	11
2.6	Menyunting Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Bab Yang Telah Ditetapkan	12
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	13
2.8	Rumusan	14

**BAB 3 HURAIAN PROJEK**

3.1	Pengenalan	16
3.2	Bentuk Dan Objektif Produk Yang Dibangunkan	16
3.3	Isi Kandungan Buku Sumber Awang Batil	17
3.4	Rumusan	27

**BAB 4 PERBINCANGAN DAN DAPATAN PRODUK**

4.1	Pengenalan	28
4.2	Latar Belakang Responden	28
4.3	Analisis Dapatan Temu Bual	30
4.3.1	Pengalaman Sebagai Pendidik	31
4.3.2	Buku Sumber Awang Batil Boleh Diakses Secara Pembelajaran Kendiri	32
4.3.3	Tanggapan Awal Responden ke Atas Buku Sumber Awang Batil dan Penggunaannya Sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM)	33
4.4	Rumusan	34

**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	35
-----	------------	----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

<b>5.2</b>	<b>Ringkasan Produk</b>	<b>35</b>
<b>5.3</b>	<b>Fungsi Produk</b>	<b>40</b>
<b>5.4</b>	<b>Sasaran Pengguna</b>	<b>40</b>
<b>5.5</b>	<b>Cadangan</b>	<b>41</b>
<b>5.6</b>	<b>Rumusan</b>	<b>41</b>
		.
	<b>RUJUKAN</b>	<b>42</b>

## LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

**Rajah**

Model kerangka kerja menghasilkan projek

**Muka surat**

14

## SENARAI JADUAL

**Senarai jadual**

- |     |                                       |    |
|-----|---------------------------------------|----|
| 3.1 | Isi kandungan buku sumber Awang Batil | 19 |
| 4.1 | Latar belakang responden              | 29 |
| 5.1 | Susun atur bahagian teks              | 35 |

**Muka surat**

19

29

35

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Awang Batil merupakan salah satu kesenian rakyat yang hidup subur dan popular di negeri Perlis pada suatu masa dahulu. Awang Batil merupakan satu persembahan tradisi berbentuk penceritaan muzikal. Unsur-unsur kesenian yang terdapat dalam persembahan Awang batil ialah penceritaan bermelodi, permainan batil secara berirama, permainan alat muzik seperti serunai, rebana dan biola, nyanyian dan lawak jenaka. Gabungan elemen-elemen di atas telah menjadikan Awang Batil sebagai satu genre penceritaan muzikal tradisional yang tersendiri dalam konsepnya.

Sepertimana Awang Selampit di Kedah dan Perlis, dan Tarik Selampit di Kelantan, Awang Batil biasanya dipersembahkan di atas sebuah pentas kecil yang hanya boleh memuatkan pencerita dan peralatannya. Walaubagaimanapun, pada masa kini, Awang batil sering kali dipersembahkan di atas pentas yang lebih besar kerana biasanya ianya dipersembahkan bersama-sama persembahan-persembahan lain bagi tujuan keramaian,

sambutan Hari Kemerdekaan, Hari Kebangsaan, Pesta-Pesta Jubli Perak dan sebagainya.

## 1.2 Latar Belakang Projek

Dari tinjauan secara rambang, penyelidik mendapati persembahan Awang Batil beransur-ansur lopus ditelan zaman. Pada ketika ini, Awang Batil kurang dipersembahkan di majlis-majlis keramaian atau majlis-majlis formal. Ini menyebabkan, masyarakat Malaysia kurang mengetahui akan kewujudan Awang Batil. Keindahan kesenian yang menggabungkan unsur-unsur teaterikal dan muzikal yang terdapat dalam persembahan Awang Batil tidak dapat dinikmati oleh generasi semasa masa kini. Persembahan Awang Batil yang amat popular pada suatu masa dahulu kini semakin dilupai. Menurut Ketua Unit Kurikulum Pendidikan Muzik Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, Encik Bakhtiar Bin Salleh, sehingga kini masih tidak terdapat suatu bahan yang lengkap seperti Bahan Sumber Panduan Guru untuk pengajaran dan pembelajaran apresiasi Seni Awang Batil yang boleh digunakan oleh guru muzik untuk memperkenalkan Awang Batil kepada pelajar sekolah.

Kajian ini akan memberi fokus kepada membangunkan produk yang merupakan sebuah buku sumber panduan guru yang boleh digunakan oleh guru untuk memperkenalkan Seni Awang Batil dalam tajuk Muzik Malaysia dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Tingkatan Empat. Selain daripada itu buku ini juga

boleh digunakan oleh umum untuk tujuan rujukan mengenai seni persembahan Awang Batil.

### 1.3 Permasalahan Projek

Awang Batil adalah suatu seni penceritaan secara muzikal yang banyak terdapat unsur-unsur muzik di dalamnya. Ianya hampir pupus kerana pada masa kini hanya terdapat seorang sahaja penggiatnya iaitu Encik Ramli Bin Mahamud yang masih lagi aktif membuat persembahan Awang batil, dan sehingga kini masih belum ada penggantinya. Sekiranya ditinjau secara keseluruhan Kurikulum Pendidikan Muzik KBSR dan KBSM kita akan mendapati bahawa tidak terdapat penekanan diberikan untuk seni Awang Batil yang hampir pupus ini. **Kita sepatutnya bertanggungjawab untuk bersama memelihara kesenian muzikal tradisional ini.**

Pada pendapat pengkaji, sesuatu karya seni tradisional yang semakin pupus, perlu dihidupkan kembali supaya generasi akan datang dapat menikmati nilai estetikanya. Untuk menghidupkan kembali karya seni tradisional tersebut, usaha yang dinamik perlu dilakukan. Pengkaji berpendapat, institusi persekolahan perlu dijadikan *platform* untuk menghidupkan kembali persembahan Awang Batil.

## 1.4 Objetif Projek

Objektif projek ini adalah untuk :

- 1.4.1 Memberi pendedahan kepada guru tentang peralatan muzik, teknik penceritaan, persembahan, repertoire cerita Awang Batil dan tempat persembahan Awang Batil.
- 1.4.2 Memenuhi tuntutan Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam melaksanakan pendidikan apresiasi Muzik Malaysia.

## 1.5 Kepentingan Projek

Projek ini dejjalankan bagi memenuhi keperluan dan mempunyai beberapa kepentingan. Adalah diharapkan projek ini dapat memenuhi kepentingan-kepentingan seperti berikut :

1. Menjadi panduan asas kepada guru-guru yang mengajar matapelajaran muzik KBSM dibawah tajuk apresiasi Muzik Malaysia (Awang Batil) Tingkatan empat.
2. Memberi pendedahan asas kepada pelajar terhadap seni persembahan Awang Batil.



## 1.6 Batasan Projek

Projek ini dijalankan untuk memberi pengetahuan secara umum mengenai penglipur lara Awang Batil merangkumi aspek sejarah, muzik, persembahan serta penceritaan. Produk ini tidak boleh digeneralisasikan sebagai satu produk yang lengkap untuk melatih seni persembahan Awang Batil.

## 1.7 Definisi Istilah

Istilah-istilah yang berkaitan adalah sepertiuraian di bawah:

### 1.7.1 Awang

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'Awang' membawa maksud panggilan yang diberikan kepada anak lelaki sulung sesebuah keluarga dalam masyarakat Melayu lama. Manakal 'batil' pula bermaksud bekas mengisi air yang diperbuat daripada tembaga yang berbentuk seperti tempurung.

### 1.7.2 Batil

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'batil' bermaksud bekas mengisi air yang diperbuat daripada tembaga yang berbentuk seperti tempurung.





### 1.7.3 Awang Batil

Mustafa Mohd Isa(1987) merumuskan perkataan ‘Awang Batil’ adalah merujuk kepada seorang individu yang mempersesembahkan cerita-cerita secara berlagu dengan melodi dan irama tertentu dengan diringi oleh pukulan batil yang dimainkan sendiri.

## 1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya bab pengenalan ini menghuraikan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, kepentingan projek, batasan projek dan definisi istilah. Penghasilan projek ini akan dapat membantu mengurangkan masalah yang mungkin timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran Muzik Malaysia, khususnya Awang Batil kepada pelajar-pelajar muzik tingkatan empat sekolah menengah. Diharapkan juga dengan penghasilan buku sumber ‘Awang Batil’ ini akan dapat menjadi panduan kepada pendidik muzik yang ingin menambahkan koleksi bahan sumber Muzik Malaysia.

